

**TERMA DAN SYARAT KAD ZING DEBIT TOUCH 'N GO ("TNG") HONG LEONG**

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Kad Debit dan apa-apa terma dan syarat lain yang berkenaan yang mungkin dikenakan oleh Bank Pengeluar dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21) hari kalender**, termasuk juga syarat dan peraturan lain yang terikat ke atas pihak Bank Pengeluar. Seandainya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma dan Syarat tertentu terkandung di dalam dokumen ini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.

**1.0 Takrif dan Tafsiran**

<b>"Pihak Berkuasa Yang Sesuai"</b>	bermaksud mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa cukai.
<b>"Fungsi Tambah Nilai Auto"</b>	bermaksud fungsi di dalam Fasiliti TNG yang secara automatik menambah nilai kewangan tersimpan "dalam dompet elektronik dengan Nilai Tambah Nilai Auto" (di lorong tol yang dikendalikan oleh Penyedia Perkhidmatan) apabila nilai kewangan tersimpan mencapai Ambang Praset.
<b>"Fi Tambah Nilai Auto"</b>	bermaksud fi yang dikenakan oleh Touch 'n Go Sdn. Bhd. ("TNGSB") bagi setiap kali berjaya menambah auto nilai kewangan tersimpan dalam dompet elektronik dengan Nilai Tambah Nilai Auto apabila nilai kewangan tersimpan mencapai Ambang Praset.
<b>"Nilai Tambah Nilai Auto"</b>	bermaksud nilai kewangan tetap sebanyak RM50.00 (atau apa-apa nilai lain yang mungkin diubah oleh TNGSB dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal) yang ditokok kepada dompet elektronik apabila nilai kewangan tersimpan mencapai Ambang Praset.
<b>"Pemegang Kad"</b>	bermaksud orang yang kepadanya dan atas namanya Kad Debit dan Kad Zing dikeluarkan oleh Bank Pengeluar.
<b>"Kad Debit"</b>	bermaksud Kad Debit Hong Leong yang dikeluarkan oleh Bank Pengeluar.
<b>"Terma dan Syarat Kad Debit"</b>	bermaksud terma dan syarat yang dikenakan oleh Bank Pengeluar yang mengawal pengeluaran dan penggunaan Kad Debit.
<b>"Tidak Aktif"</b>	bermaksud Kad Zing yang tidak ada transaksi kad (tambah nilai atau penggunaan) selama dua puluh empat (24) bulan berturut-turut.
<b>"Fi Pengeluaran"</b>	bermaksud <u>fi yang dikenakan</u> oleh Bank Pengeluar bagi pengeluaran Kad Zing.
<b>"Bank Pengeluar"</b>	bermaksud Hong Leong Bank Berhad ("HLB") atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB"), pengeluar Kad Debit dan Zing, dan meliputi pengganti hak miliknya.
<b>"Fi Penyelenggaraan"</b>	bermaksud <u>fi yang dikenakan</u> oleh TNGSB pada enam (6) jarak bulanan dari tarikh Cip TNG dalam Kad Zing menjadi Tidak Aktif bagi penyelenggaraan Nilai Belum Guna.

<b>“Ambang Praset”</b>	bermaksud nilai RM50.00 (atau apa-apa amaun lain yang ditentukan oleh TNGSB dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal) yang masih berbaki dalam dompet elektronik Cip TNG.
<b>“Fi Pemprosesan”</b>	bermaksud <u>fi yang dikenakan</u> oleh TNGSB bagi memproses permohonan pemulangan apa-apa Nilai Belum Guna dalam Kad Zing.
<b>“Fi Penggantian”</b>	bermaksud <u>fi yang dikenakan</u> oleh Bank Pengeluar bagi menggantikan Kad Zing.
<b>“Fi Pembaharuan”</b>	bermaksud <u>fi yang dikenakan</u> oleh Bank Pengeluar bagi membaharui Kad Zing.
<b>“Akaun Pembelian Runcit”</b>	bermaksud Akaun yang dipautkan kepada Kad Debit Pemegang Kad untuk membuat Transaksi Pembelian Runcit.
<b>“Penyedia Perkhidmatan”</b>	bermaksud pihak yang telah membuat perjanjian dengan TNGSB untuk menerima TNG sebagai suatu cara pembayaran.
<b>“Cukai”</b>	bermaksud apa-apa cukai, levi, impos, duti, caj fi Malaysia atau asing masa kini atau masa akan datang, potongan atau apa jua jenis penangguhan, yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Sesuai, termasuk, tanpa batasan, apa-apa cukai penggunaan seperti cukai barangan dan perkhidmatan (“ <b>GST</b> ”) dan lain-lain cukai, dan apa-apa faedah, denda atau penalti berkenaan dengannya.
<b>“Cip TNG”</b>	bermaksud cip yang mengandungi Fasiliti TNG dengan Fungsi Tambah Nilai Auto yang terdapat dalam Kad Zing.
<b>“Fasiliti TNG”</b>	bermaksud kemudahan pembayaran menggunakan dompet elektronik yang mengandungi nilai kewangan tersimpan prabayar dengan Fungsi Tambah Nilai Auto terkandung dalam Cip TNG dalam Kad Zing.
<b>“TNGSB”</b>	bermaksud Touch’n Go Sdn Bhd, penyedia Perkhidmatan TNG, dan meliputi pengganti hak miliknya.
<b>“Perkhidmatan TNG”</b>	bermaksud apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh TNGSB dari semasa ke semasa untuk mempermudah pembayaran tol, bayaran parkir dan apa-apa caj lain oleh Pemegang Kad, menggunakan Fasiliti TNG sebagai suatu kaedah pembayaran.
<b>“Terma TNG”</b>	bermaksud terma dan syarat Kad Zing yang dikeluarkan oleh TNGSB bagi Perkhidmatan TNG yang boleh didapati melalui <a href="http://www.touchngo.com.my">www.touchngo.com.my</a>
<b>“Nilai Belum Guna”</b>	bermaksud nilai kewangan tersimpan belum guna dalam Cip TNG yang terkandung dalam Kad Zing.
<b>“Kad Zing”</b>	bermaksud Kad TNG yang dihasilkan oleh TNGSB dan dikeluarkan oleh Bank Pengeluar yang tertera nama “Touch ‘n Go Debit Zing Card” mengandungi Cip TNG dengan fasiliti Kad Debit berkaitan dengan Fungsi Tambah Nilai Auto dan dikawal oleh Terma dan Syarat Kad Debit dan terma dan syarat di dalam ini yang dikenakan oleh Bank Pengeluar dan Pemegang Kad bagi tujuan transaksi Tambah Nilai Auto.

## **2.0 Permohonan dan Pengeluaran**

- 2.1 Pemegang Kad dikehendaki untuk mengisi Borang Kad Zing Debit TNG (“Borang Permohonan”) dan mengemukakan kepada Bank Pengeluar berserta dengan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam Borang Permohonan untuk memohon Kad Zing.
- 2.2 Permohonan Kad Zing dan tandatangan sokongan Pemegang Kad adalah merupakan perjanjian oleh Pemegang Kad kepada terma dan syarat yang mengawal penggunaan Kad Zing dan Terma dan Syarat Kad Debit yang mengawal pengeluaran dan penggunaan Kad Debit .
- 2.3 Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada TNGSB dan Bank Pengeluar tentang sebarang perubahan kepada butiran yang diberi dalam Borang Permohonan.
- 2.4 Setiap Pemegang Kad boleh memohon **satu (1)** Kad Zing asalkan Akaun Pembelian Runcit masih aktif.
- 2.5 Bagi Pemegang Kad bersama dengan Akaun Pembelian Runcit bersama, Pemegang Kad utama serta kedua adalah secara bersama dan berasingan bertanggungjawab terhadap segala transaksi yang dilakukan bagi Kad Zing yang dikeluarkan.
- 2.6 Kad Zing boleh atas budi bicara mutlak Bank Pengeluar, dikeluarkan kepada Pemegang Kad tertakluk kepada Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Kad Debit dan terma dan syarat yang terkandung di dalam ini.

## **3.0 Syarat Penggunaan**

- 3.1 Kad Zing mestilah diaktifkan dalam masa **dua belas (12)** bulan dari tarikh pengeluaran, jika gagal berbuat demikian maka Kad Zing itu akan dimatikan secara automatik.
- 3.2 Pengaktifan dan/atau penggunaan Kad Zing kali pertama oleh Pemegang Kad MESTI diaktifkan dan/atau digunakan di mana-mana lorong TNG atau lorong SmartTag yang terletak di semua lorong tol berkenaan dengan mengimbas Kad Zing dan/atau dengan peranti SmartTag di pembaca kad dan memandu melalui lorong tol.
- 3.3 Nilai tersimpan dalam Kad Zing boleh digunakan di semua lorong tol secara bersendirian atau bersama-sama peranti “SmartTag” di lorong TNG dan lorong SmartTag berkenaan dan juga untuk membayar di Penyedia Perkhidmatan terpilih selaras dengan Terma-terma TNG.
- 3.4 Pemegang Kad bersetuju bahawa Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa penggunaan fasiliti TNG adalah mengikut dengan tatacara, arahan, garis panduan yang ditetapkan oleh TNGSB dan Bank Pengeluar dari semasa ke semasa.
- 3.5 Pemegang Kad dilarang menjual, merosakkan atau mengubah Kad Zing atau Cip TNG.

## **4.0 Fi dan Caj**

Semua fi dan caj sepertimana ditetapkan di dalam ini adalah tertakluk kepada Cukai menurut kadar Cukai semasa.

### **4.1 Fi Pengeluaran**

- (a) Pemegang Kad akan dikenakan Fi Pengeluaran bagi pengeluaran Kad Zing dan pada setiap kali pengeluaran Kad Zing yang baharu (melainkan dikecualikan menurut terma-terma di dalam ini) akan didebitkan secara automatik daripada Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad dengan Bank Pengeluar.

- 4.2 Fi Penggantian
- (a) Pemegang Kad akan dikenakan Fi Penggantian bagi penggantian Kad Zing (melainkan dikecualikan menurut terma dan syarat di dalam ini) yang akan didebitkan secara automatik daripada Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad dengan Bank Pengeluar.
- 4.3 Fi Pembaharuan
- (a) Semua Kad Zing yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada tarikh luput. Kad Zing dianggarkan mempunyai jangka hayat 64,000 transaksi atau setara dengan 10 tahun bagi mereka yang aktif menggunakan kad, mengikut mana yang dahulu.
- (b) Tertakluk kepada budi bicara Bank Pengeluar dan TNGSB, apabila luput tarikh Kad Zing, Pemegang Kad hendaklah memohon untuk memperbaharui Kad Zing tertakluk kepada pembayaran Fi Pembaharuan kepada Bank Pengeluar yang akan didebitkan secara automatik daripada Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad dengan Bank Pengeluar.
- (c) Apabila luput tarikhnya, Cip TNG dalam Kad Zing akan ditutup sama sekali dan apa-apa nilai yang masih berbaki di dalamnya akan dipulangkan kepada Pemegang Kad menurut Fasal 4.5.
- 4.4 Fi Tambah Nilai Auto
- (a) Bagi setiap kali tambah nilai auto yang berjaya, Fi Tambah Nilai Auto akan dikenakan oleh TNGSB dan Pemegang Kad dengan ini memberi kebenaran kepada Bank Pengeluar untuk mendebitkan Fi Tambah Nilai Auto tersebut daripada Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad.
- 4.5 Fi Pemprosesan bagi Pemulangan Nilai Belum Guna
- (a) Fi Pemprosesan akan dikenakan untuk melayani permohonan Pemegang Kad bagi pemulangan apa-apa Nilai Belum Guna dalam Kad Zing. Semua pemulangan Nilai Belum Guna adalah tertakluk kepada budi bicara TNGSB dan Bank Pengeluar.
- (b) Fi Pemprosesan oleh TNGSB akan dipotong daripada Nilai Belum Guna sebelum baki Nilai Belum Guna dalam Kad Zing dipulangkan kepada Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad. Tiada pemulangan Nilai Belum Guna akan dilakukan kecuali terdapat Nilai Belum Guna yang berbaki dalam Kad Zing selepas pemotongan Fi Pemprosesan. Pemulangan secara tunai tidak dibenarkan.
- (c) Apa-apa permohonan pemulangan Nilai Belum Guna oleh Pemegang Kad bagi Kad Zing yang hilang, dicuri dan/atau rosak dan/atau apa-apa keadaan lain adalah tertakluk kepada Terma-terma TNG.
- (d) Walau apa pun yang dinyatakan dalam Fasal 4.5 ini dan sebaliknya, semua pemulangan Nilai Belum Guna adalah tertakluk kepada hak Bank Pengeluar menolak sepertimana terkandung dalam Seksyen 14 Terma dan Syarat Kad Debit.
- 4.6 Fi Penyelenggaraan
- (a) Fi Penyelenggaraan akan ditolak daripada Nilai Belum Guna dalam Kad Zing pada **enam (6)** jarak bulanan dari tarikh Cip TNG dalam Kad Zing menjadi tidak aktif bagi penyelenggaraan Nilai Belum Guna.
- (b) Fi Penyelenggaraan akan ditolak sehingga Nilai Belum Guna dalam Kad Zing habis.

Penerangan Fi & Caj	Fi & Caj (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan)
Fi Pengeluaran	RM10.00 setiap kad
Fi Penggantian (Bagi Kad Zing Hilang/ Dicuri/ Rosak)	RM10.00 setiap kad
Fi Pembaharuan	RM10.00 setiap kad

Penerangan Fi & Caj	Fi & Caj (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan)
Fi Tambah Nilai Auto	RM0.50 setiap tambah nilai
Fi Pemprosesan atas Pemulangan Nilai Belum Guna	RM5.00 setiap permohonan
Fi Penyenggaraan (Setiap 6 bulan sekali)	RM5.00

## 5.0 Penggunaan Fasiliti Tambah Nilai Auto

- 5.1 TNGSB akan secara automatik menambah nilai amaun pratentu kepada Cip TNG dalam Kad Zing dengan Nilai Tambah Nilai Auto apabila nilai kewangan tersimpan dalam dompet elektronik mencapai Ambang Praset. Fungsi Tambah Nilai Auto hanya terpakai apabila Kad Zing digunakan di lorong tol berkenaan.
- 5.2 Tambah nilai secara manual tidak dibenarkan oleh sebab apa-apa tambah nilai manual di mana-mana lorong tol dan/atau di Penyedia Perkhidmatan akan mematikan Fungsi Tambah Nilai Auto.
- 5.3 Pemegang Kad bersetuju bahawa Fungsi Tambah Nilai Auto dihadkan kepada **satu (1)** tambah nilai auto bagi setiap dua puluh empat (24) jam.
- 5.4 Pemegang Kad dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank Pengeluar untuk mendebitkan Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad dengan amaun bersamaan Nilai Tambah Nilai Auto dan Fi Tambah Nilai Auto apabila berlaku apa-apa transaksi tambah nilai automatik, apa-apa khidmat lain yang dikenakan caj dan Cukai keatasnya dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad.
- 5.5 Walau apa pun yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini, TNGSB dan/atau Bank Pengeluar adalah berhak pada bila-bila masa dan atas budi bicara mereka untuk menamatkan Fungsi Tambah Nilai Auto mana-mana Kad Zing atas apa-apa alasan yang mereka anggap munasabah (termasuk dalam hal Kad Zing dilaporkan hilang atau dipalsukan).
- 5.6 Pengaktifan Semula fungsi Tambah Nilai Auto Kad Zing hanya boleh dilaksanakan dengan Pemegang Kad dengan menghubungi Pusat Hubungan Bank Pengeluar di **03-7626 8899** untuk meminta supaya diaktifkan semula Fungsi Tambah Nilai Auto. Empat puluh lapan (48) jam selepas memohon pengaktifan semula, Pemegang Kad boleh bertindak mengaktifkan semula Fungsi Tambah Nilai Auto dalam Kad Zing dengan membawa Kad Zing ke kaunter Touch 'n Go terpilih yang dinyatakan oleh TNGSB untuk pengaktifan semula.

## 6.0 Pertikaian atas Transaksi Kad Debit

Apa-apa pertikaian oleh Pemegang Kad atas transaksi berkenaan Kad Zing mestilah dilaporkan kepada Bank Pengeluar dalam masa **empat belas (14)** hari dari tarikh penerimaan penyata Kad Debit berkenaan atau sejarah transaksi dalam talian melalui Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect; jika gagal berbuat demikian Pemegang Kad akan dianggap telah menerima entri yang dimasukkan setakat tarikh entri akhir dalam Penyata Kad Debit atau penyata akaun dalam talian sebagai betul dan melepaskan Bank Pengeluar daripada segala liabiliti.

## **7.0 Pemberitahuan Transaksi Tanpa Izin atas Kecurian, Kehilangan, Penggantian Kad**

- 7.1 TNGSB dan juga Bank Pengeluar tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang salah guna Kad Zing atau atas sebarang penggunaan tanpa izin Kad Zing yang hilang atau dicuri.
- 7.2 Bagi Kad Zing yang hilang atau dicuri, Pemegang Kad mestilah memberitahu Bank Pengeluar dalam masa dua puluh empat (24) jam di cawangan Bank Pengeluar melalui notis bertulis untuk membolehkan Bank Pengeluar memberitahu TNGSB untuk membatalkan Kad Zing yang hilang atau dicuri.
- 7.3 TNGSB akan menutup Kad Zing yang hilang atau dicuri itu untuk mencegah Kad digunakan lagi dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas menerima pemberitahuan daripada Bank Pengeluar. Pemegang Kad akan tetap bertanggungjawab atas segala caj termasuk tetapi tidak terhad kepada Fungsi Tambah Nilai Auto yang dialami atau dikenakan dalam masa dua puluh empat (24) jam itu.
- 7.4 Setelah melaporkan Kad Zing yang hilang atau dicuri itu, Pemegang Kad boleh memohon Kad Zing gantian dan memohon pemulangan Nilai Belum Guna dalam Kad Zing yang telah ditutup atau dibatalkan itu. Tertakluk kepada budi bicara Bank Pengeluar dan TNGSB, Nilai Belum Guna boleh dipulangkan menerusi Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad tolak fi pemprosesan berkenaan dan segala caj berkenaan yang disebut dalam Fasal 4 di atas.
- 7.5 Bank Pengeluar tidak berkewajipan untuk mengeluarkan Kad Zing gantian kepada Pemegang Kad berikutan kehilangan atau kecurian Kad Zing.
- 7.6 Semua permohonan Kad Zing gantian mestilah dibuat di mana-mana cawangan Bank Pengeluar.

## **8.0 Penyahaktifan Kad Zing**

- 8.1 Mana-mana Kad Zing yang kemudiannya menjadi tidak aktif akan dinyahaktif oleh TNGSB.
- 8.2 Jika sekiranya Kad Zing telah dinyahaktif, maka Fi Penyelenggaraan akan dikenakan oleh TNGSB dan fi tersebut akan dipotong daripada Nilai Belum Guna setiap **enam (6)** bulan sekali. Pemegang Kad bersetuju bahawa potongan automatik ini akan berterusan sehinggalah Nilai Belum Guna dalam Kad Zing itu habis.

## **9.0 Penamatan**

- 9.1 Penggunaan Kad Zing oleh Pemegang Kad boleh ditamatkan oleh Bank Pengeluar menurut budi bicara mutlaknyanya termasuk tetapi tidak terhad kepada sebab-sebab berikut:
  - (a) Pemegang Kad melanggar mana-mana terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Kad Debit;
  - (b) Kad Zing dilaporkan hilang atau dicuri;
  - (c) Hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad Zing telah ditaksahkan;
  - (d) Sistem Pembayaran Elektronik TNGSB gagal berfungsi, diubah, ditambah baik, dinaik taraf atau diubahsuai;
  - (e) Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad tidak aktif;
  - (f) Kad Debit Pemegang Kad ditamatkan atas apa jua sebab sekalipun; atau
  - (g) Pemegang Kad menamatkan Kad Zing.
- 9.2 Tanpa prasangka kepada Fasal 9.1, Kad Zing ditamatkan:
  - (a) Apabila Pemegang Kad memberitahu Bank Pengeluar akan niatnya untuk menamatkan perkhidmatan Kad Zing dan/atau Kad Debit di cawangan Bank Pengeluar, atau
  - (b) Apabila Bank Pengeluar memberitahu TNGSB akan penamatan Kad Zing atau Kad Debit.

- 9.3 Apabila:-
- (a) Fasilitas TNG Kad telah ditamatkan, maka Nilai Belum Guna Kad akan dipulangkan kepada Pemegang Kad menurut Fasal 4.5 dan
  - (b) Hanya Fungsi Tambah Nilai Auto sahaja dalam Kad Zing disekat atau ditamatkan, maka Nilai Belum Guna kad itu akan, asalkan belum lagi luput tarikh atau diperlakukan sebagai tidak aktif, adalah sah untuk diguna sehingga baki nilai tersimpan kad itu habis.
- 9.4 Walau apa pun yang dinyatakan di dalam ini, namun semua permohonan pemulangan bagi Kad Zing mestilah diajukan kepada Bank Pengeluar dalam masa **sembilan puluh (90)** hari dari tarikh kehilangan, kecurian, pembatalan atau penamatan Kad Zing.

## 10.0 Perubahan Terma dan Syarat

- 10.1 TNGSB dan Bank Pengeluar berhak menambah, menggugurkan, mengubah atau meminda penggunaan Kad Zing atau terma dan syarat terkandung di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, menurut budi bicara mutlak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21) hari kalender**. Pemegang Kad tidak layak menuntut apa-apa pampasan terhadap TNGSB dan Bank Pengeluar atas apa-apa dan segala kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad sama ada sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan itu.
- 10.2 Bank Pengeluar akan memberitahu Pemegang Kad tentang sebarang pindaan atau perubahan kepada terma dan syarat ini dan tarikh perubahan itu berkuatkuasa. Semua perubahan dan pindaan akan diuar-uarkan dalam akhbar, laman web, melalui pengiriman notis, atau paparan notis di TNGSB atau Bank Pengeluar, atau di mana-mana kaunter jualan TNG atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh TNGSB dan/atau Bank Pengeluar menurut budi bicaranya yang mutlak.

## 11.0 Notis

Notis yang diberi oleh Pemegang Kad kepada Bank Pengeluar hendaklah selaras dengan Terma dan Syarat Am Akaun.

## 12.0 Pendedahan

Selain pendedahan yang dibolehkan sepertimana ditetapkan dalam Terma dan Syarat Am Akaun, Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank Pengeluar untuk mendedahkan apa-apa maklumat mengenai Pemegang Kad kepada TNGSB dan mana-mana pihak lain yang berkenaan untuk mempermudah penggunaan Kad Zing atau pemprosesan apa-apa transaksi dijalankan atau hendak dijalankan menerusi penggunaan Kad Zing atau untuk tujuan mendapatkan kembali apa-apa wang yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada Bank Pengeluar dan TNGSB.

## 13.0 Peruntukan

Sejumlah RM100 atau apa-apa jumlah lain seperti yang ditentukan oleh Bank Pengeluar dari semasa semasa akan diperuntukkan daripada Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad. Pemegang Kad mestilah memastikan bahawa Akaun Pembelian Runcit mengekalkan jumlah minimum RM100 pada setiap masa, jika tidak Fungsi Tambah Nilai Auto akan disekat.

## 14.0 Amaun Pratambah Nilai dalam Kad Zing

Sejumlah RM50 (atau apa-apa nilai lain seperti yang ditetapkan oleh TNGSB dari semasa ke semasa) akan didebitkan daripada Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad sebagai amaun pratambah nilai dalam Kad Zing semasa Kad Zing dikeluarkan.

## 15.0 Pembatalan Kad Debit

Kad Zing akan dibatalkan secara automatik apabila Kad Debit dibatalkan. Cawangan Bank Pengeluar akan mengeluarkan sejumlah RM100 yang diperuntukkan dalam Akaun Pembelian

Runcit sebelum tarikh luput **empat belas (14)** hari bekerja dari tarikh penerimaan pengesahan daripada ibu pejabat Bank Pengeluar.